

TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMENTERIAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

**SEMINAR GAGASAN PEMIKIRAN TUN ABDUL RAZAK
"MENJUNJUNG AMANAH RAKYAT"**

DEWAN SERI LESTARI KKLW, PUTRAJAYA

**28 JULAI 2016, KHAMIS
WAKTU KETIBAAN : 9.30 PAGI**

Salutasi sewajarnya

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

1. Syukur kita ke hadrat Ilahi kerana kita dapat berkumpul di sini dalam satu majlis ilmu yang sangat bermakna. Sepanjang hari ini kita akan menyaksikan peristiwa penting di mana para ilmunan dan peserta seminar akan mengupas pemikiran seorang Insan yang sangat istimewa.

2. Tokoh itu, tidak lain dan tidak bukan, adalah Almarhum Tun Abdul Razak Hussein, ayahanda kepada Perdana Menteri kita, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak. Sekiranya kita mahu menerapkan makna “towering personality” pada seseorang individu, maka pada Almarhum Tun Abdul Razaklah orang yang paling sesuai ungkapan itu dipakaikan. Beliau sebenarnya ikon, pemimpin, pemikir, mentor, bapa, wira dan visionary yang sebenar.

3. Tiada siapa yang boleh mempetikaikan bahawa ungkapan seperti “karismatik”, “berwibawa”, “perkasa”, “terbilang”, “mendahului zaman”, “berfikiran jauh” dan “berjiwa besar” dikaitkan dengan beliau. Malah beliau adalah cerminan seorang pemimpin besar yang luar biasa, yang merupakan contrarian – yang berbeza cara dan pendekatan, yang diingat kerana ketokohnya, disegani oleh kawan dan musuh politik serta manusia yang menjadi tunggak kekuatan sebuah negara serta idola bangsanya.

4. Izinkan saya memetik beberapa baris dari buku *Pemimpin Dalam Ungkapan Melayu* susunan Tenas Effendy terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) tentang kualiti seorang pemimpin. Orang itu:

Bagaikan kayu besar di tengah padang

Rimbun daunnya tempat berteduh

Kuat dahannya tempat bergantung

Kukuh batangnya tempat bersandar

Besar akarnya tempat bersila.

Maka sesuaiilah dengan martabat seorang pemimpin yang bagi orang Melayu:

Yang didahulukan selangkah

Yang ditinggikan seranting

Yang dilebihkan serambut

Yang dimuliakan sekuku

5. Almarhum Tun Abdul Razak bagaikan bintang cemerlang di dada zaman, sinarnya berkekalan untuk menjadi pedoman bagi generasi mendatang. Lebih penting lagi beliau meninggalkan legacy yang luar biasa – yang tidak akan pudar dek zaman.

6. Sejarah akan menobatkan beliau sebagai negarawan, sebagai pemimpin, sebagai tokoh politik terbilang yang menaungi sebuah negara bangsa yang ketika itu sedang bertarih-tatih untuk mencipta nama, untuk memajukan diri dan untuk memberanikan diri membina citra sendiri.

7. Persekutan Tanah Melayu yang mencapai Kemerdekaan dari Britain baru 13 tahun usianya dan Malaysia baru mencecah usia tujuh tahun sewaktu beliau mengambil alih kepimpinan daripada Bapa Kemerdekaan, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj pada tahun 1970.

8. Setahun sebelum itu, Malaysia digoncang oleh peristiwa berdarah 13 Mei 1969. Bukan mudah untuk mengembalikan keyakinan rakyat pelbagai kaum serta meyakinkan dunia bahawa peristiwa seperti itu tidak perlu dan tidak mungkin berulang lagi. Ia merupakan wake-up call buat semua. Terlalu banyak pengajaran daripada peristiwa itu.

9. Peristiwa itu menjadi titik tolak penting dalam menentukan hala tuju negara. Almarhum sedar bahawa tanpa perpaduan dan muhibbah antara kaum, negara pasti bergolak. Tanpa toleransi dan hormat menghormati satu sama lain, kesannya pastinya akan merosakkan. Moral ceritanya, jangan ambil mudah soal perpaduan dalam sebuah negara pelbagai kaum dan agama seperti Malaysia.

10. Berbekalkan Perlembagaan, menggunakan peruntukan yang termaktub di dalamnya, termasuk Hak Istimewa Orang Melayu dan Bumiputera, Almarhum Tun Abdul Razak merangka dasar besar bagi menyusun semula masyarakat.

11. Dasar Ekonomi Baru (DEB) adalah program kejuruteraan sosial yang paling ambitious pernah dilaksanakan oleh mana-mana negara di dunia bagi menangani masalah ketidaksamarataan daripada segi penguasaan ekonomi di antara kaum-kaum. Prinsipnya bukan merampas hak mana-mana kaum untuk diagihkan pada kaum lain tetapi untuk memastikan bahawa setiap kaum memperoleh peluang yang sama menikmati kejayaan ekonomi negara. Almarhum sedar bahawa membina masyarakat perniagaan Melayu dan Bumiputera bukan mudah, juga bukan senang untuk melahirkan generasi profesional di kalangan mereka. Tetapi itu bukan alasan untuk tidak mencuba atau untuk mendiamkan diri.

Almarhum berfikiran positif, memandang jauh ke hadapan, dengan hati yang jujur dan telus bagi memajukan Agenda Bumiputera. Beliau menyedari minda kaumnya yang rata-rata hidup sebagai petani dan pelaut. Menganjak pemikiran ke lapisan yang lain menuntut revolusi mental. Anjakan paradigma diperlukan. Nilai baharu harus diterapkan. Perubahan sikap dan nilai diberikan keutamaan. Orang Melayu dan Bumiputera harus melalui revolusi fikir yang drastik dan dramatik.

Tidak hairanlah dalam salah sebuah ucapannya Almarhum menegaskan:

“Kejayaan rakyat Malaysia khasnya orang-orang Melayu di masa depan bergantung kepada anggota-anggota masyarakat yang cekal, mempunyai daya pemikiran dan berkemampuan mencapai kejayaan.”

Semua itu harus didokong oleh dasar yang betul dan institusi sokongan yang kuat. Dasar sebesar DEB tidak mungkin menjadi kenyataan tanpa sokongan institusi dan agensi yang sedia ada atau yang diwujudkan untuk tujuan tertentu ketika itu. Juga political will yang kental. Lebih penting lagi adalah kekuatan moral dan kecekalan beliau sendiri untuk melaksanakan dasar itu, walaupun mendapat kritikan malah kecaman.

Pendirian beliau adalah:

Patah atap kerana buluh

Atap di jalin dengan tali

Patah sayap bertongkat paruh

Namun undur pantang sekali

Bayangkan sekiranya DEB tidak dikotakan dan kaum majoriti di negara ini langsung tidak punya saham dalam pertumbuhan ekonomi.

12. Kita mengakui DEB tidak sepenuhnya menepati sasaran. Kajian kejayaan DEB telah dibuat dan banyak dibahaskan. Tetapi DEB harus dilihat dalam konteks keperluan semasa dan bukan daripada kaca mata berprasangka dan bias. Kita sepatutnya berterima kasih dan berbangga bahawa sekurang-kurangnya kita telah berjaya membangunkan masyarakat perniagaan di kalangan orang Melayu dan Bumiputera. Ekoran daripada usaha itu juga, telah terbangun satu generasi profesional Melayu dengan ketrampilan dan kepakaran yang tersendiri. Daripada banyak segi, sasaran serampang dua mata – untuk menyusun masyarakat dan mengagihkan kuih ekonomi secara sama rata telah membuahkan hasilnya.

13. Memang masih berlaku keciciran daripada segi matlamat asal DEB. Memang terdapat penguasaan kaum-kaum tertentu dalam sektor-sektor kritikal yang sukar ditandingi oleh kaum Melayu dan Bumiputera. Memang masih wujud kuasa “orang tengah” dalam industri tertentu. Memang belum berlaku “level playing field” dalam sesetengah perniagaan dan penguasaan atau dominasi satu kaum dalam industri tertentu.

14. Namun demikian saya percaya semua itu adalah sebahagian daripada proses pembelajaran yang berpanjangan atau learning curve bagi kita semua. Walaupun DEB tidak wujud lagi sebagai satu dasar tetapi kita telah menerapkan semangatnya dalam bentuk dasar Pembangunan Nasional (DPN) pada tahun 1991 dan pemantapan beberapa dasar untuk memperkasa kedudukan ekonomi orang Melayu dan Bumiputera oleh Datuk Seri Najib apabila beliau mengambil alih kepimpinan.

15. Kita di Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah ini misalnya, sentiasa menjadikan gagasan pemikiran ekonomi Almarhum sebagai pemandu arah atau kompas dalam melaksanakan usaha kita memajukan ekonomi orang Melayu.

16. Kita akan meneruskan usaha itu sesuai dengan keperluan semasa, kerana kita menganggap perjuangan untuk mengangkat martabat orang Melayu dalam bidang ekonomi belum berakhir lagi. Malah perlu dipertingkatkan lagi. Empat puluh tahun yang lalu, pada 14 Januari 1976, Almarhum Tun Abdul Razak meninggalkan kita. Namun semangat dan roh perjuangannya tidak pernah malap di hati kita. Malah terus bersemarak dan membakar.

17. Oleh sebab itu saya menganggap seminar sehari ini amat bermakna bagi Kementerian ini dan bagi kita semua. Tambahan pula tema seminar ini adalah “Menjunjung Amanah Rakyat”. Ia amat bersesuaian dengan aspirasi Kementerian ini serta agensi yang menjadi penganjurnya yakni Majlis Amanah Rakyat atau MARA.

18. Almarhum Tun Abdul Razak telah mengajar kita bagaimana kita perlu meletakkan rakyat di atas segala-galanya. Rakyat sebenarnya raja dan teras kuasa. Siapalah pemimpin tanpa rakyat. Maka itu bagi mana-mana kerajaan, “menjunjung amanah rakyat” itu menjadi amat penting dan kritikal. Almarhum menjunjung amanah rakyat dengan merancang pelbagai program yang bersesuaian atau menubuhkan pelbagai insitusi, agensi, organisasi dan jabatan untuk untuk tujuan itu. Semangat itulah yang diterapkan oleh anakanda beliau, Datuk Seri Najib apabila beliau mempopularkan frasa “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” apabila mengambil alih kepimpinan.

19. Saya ingin mengucapkan syabas pada pihak MARA dan Gabungan Penulis Nasional (GAPENA) yang mengambil inisiatif menganjurkan seminar sehari ini. GAPENA seperti kita tahu adalah gabungan penulis yang terulung di negara ini yang turut menjadi suara bicara kalangan penulis sejak penubuhannya. GAPENA telah memainkan peranan yang positif sebagai mata dan telinga kelompok penulis dan

cendekiawan selama ini. GAPENA didokong oleh gerakan massa melalui persatuan penulis yang menjadi kerabatnya, menjadikannya sebuah institusi yang dihormati.

20. Saya percaya seminar ini bukan sekadar mengajak kita kembali mengimbu legacy Almarhum yang luar biasa itu. Apa yang lebih penting ialah untuk menjengah gagasan pemikiran tokoh besar ini untuk kita melihat hari ini dan masa depan dengan penuh yakin dan positif. Memang gagasan pemikiran beliau sepatutnya diwacanakan, dibahaskan dan diujahkan dan diambil iktibar daripadanya.

21. Saya sedar memang telah banyak seminar mengenai Almarhum tetapi seminar ini berbeza kerana ia mengaitkan gagasan pemikiran itu dengan amanah rakyat yang dijunjung bukan sahaja pada zamannya tetapi pada masa kini dan masa depan. Saya penuh yakin bahawa pemikiran Almarhum sentiasa evergreen, sentiasa relevan dan sesuai dengan peredaran zaman.

22. Zaman mungkin berubah. Era 70-an sewaktu beliau menjadi Perdana Menteri yang kedua tentunya jauh berbeza daripada era masa ini. Demikian juga cabaran yang dihadapi oleh pimpinan masa ini. Maka itu tentulah menarik untuk melihat bagaimana perbezaan di antara ayahanda dengan era anakandanya Datuk Seri Najib yang mengambil alih kepimpinan sebagai Perdana Menteri Malaysia keenam setelah 39 tahun ayahnya memegang tampuk pemerintahan.

23. Kita harus mengakui bahawa kejayaan hari ini adalah hasil daripada landasan yang telah disediakan oleh kesemua Perdana Menteri terdahulu termasuk Almarhum Tun Abdul Razak. Dalam sejarah sebuah negara bangsa, empat dekad bulanlah waktu yang panjang. Tetapi kita telah membuktikan bahawa empat dekad adalah waktu yang penuh peristiwa dan ditandakan oleh kegiatan pembangunan dan kejayaan ekonomi yang luar biasa.

24. Tidak banyak negara yang merdeka semasa dengan negara ini yang telah mencapai kejayaan sedemikian gemilang. Dan lebih penting lagi tidak banyak negara yang rakyatnya terdiri daripada pelbagai kaum yang dapat hidup aman dan makmur seperti negara ini. Kita tidak sempurna tetapi dalam ketidaksempurnaan

itulah kita memaju dan memperbaiki serta bercita-cita tinggi untuk mencapai kejayaan sebagai Negara Dunia Pertama, Insya Allah.

25. Seminar ini tentunya akan mengupas semua aspek yang relevan dengan usaha untuk memajukan bangsa dan negara – amanah yang kita kendung daripada Almarhum. Saya percaya pembentang kertaskerja yang terdiri daripada tokoh ilmuwan dan aktivis sosial terbilang akan mengupas pelbagai isu yang berkaitan – daripada aspek pendidikan, sosio-budaya, politik dan ekonomi – yang terasnya telah dibina oleh Almarhum Tun Abdul Razak.

26. Seminar ini diharapkan akan dapat mencari manik-manik kebijaksanaan Almarhum Tun Abdul Razak untuk kita jadikan iktibar serta panduan dan azimat kita.

Bagi MARA, yang menjadi hos bersama seminar ini, bukan kecil jasa beliau pada institusi ini. Saya berpendapat ini adalah penghormatan terbesar yang mampu diberikan MARA pada Almarhum yang sentiasa menjadi tunggak kekuatan institusi keramat ini.

27. Malah apalah MARA tanpa sokongan dan dokongan Almarhum pada peringkat awalnya. Kita tahu MARA begitu dekat di hati beliau. Malah beliau begitu komited pada pembangunan MARA sejak beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri lagi.

28. Saya ingin mencadangkan pada MARA, sebagai menghargai sumbangan Almarhum agak mengadakan “Hari Tun Abdul Razak”. Sehari dalam setahun MARA akan mengadakan pelbagai aktiviti ilmu yang bersesuaian bagi menyemarakkan legacy Tun Razak. Pengisian ilmunya boleh difikirkan tetapi terasnya adalah untuk membuat penilaian atau muasabah diri bagi mengukur kejayaan agensi ini sesuai dengan aspirasi tokoh yang kita hargai ini.

29. Saya juga ingin mencadangkan bahawa MARA menganjurkan satu siri “Dialog Bulanan Tun Abdul Razak” bagi mengundang tokoh dan pemikir tempatan

dan luar negara daripada pebagai disiplin untuk membuka jendela minda pimpinan dan petugas organisasi ini.

30. Saya percaya dengan kedua-dua cadangan itu, kita akan dapat mengekalkan semangat tokoh istimewa yang kita hargai hari ini. Akhir kata, pada semua yang terlibat:

Yang kurik kendi, Yang merah saga

Yang baik budi, Yang indah bahasa

31. Dengan itu, dan dengan lafaz Bismillah, saya dengan ini melancarkan secara rasmi Seminar Gagasan Pemikiran Tun Abdul Razak yang bertemakan “Menjunjung Amanah Rakyat.”

Terima kasih.